

## LEMBARAN PENERANGAN PRODUK

(Sila baca dan fahami Lembaran Penerangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memohon Pembiayaan Margin Saham-i. Sila baca terma di dalam surat tawaran. Sila dapatkan penjelasan daripada institusi sekiranya anda tidak memahami bahagian di dalam dokumen ini atau terma-terma am)

**NAMA PRODUK:**  
**PEMBIAYAAN MARGIN SAHAM-i**

**TARIKH:**  
[Tarikh ini untuk diisi oleh Staf Jualan]

### 1. APAKAH PRODUK INI?

Ini adalah sebuah kemudahan saham margin Islamik yang membolehkan Pelanggan\* Equity Investment Centre (EIC) membiayai aktiviti-aktiviti perdagangan saham yang diluluskan dan boleh diterima pakai oleh Syariah yang tersenarai di Bursa Malaysia Berhad. Pihak Bank akan meluluskan jumlah pembiayaan berdasarkan kepada cagaran yang Pelanggan sandarkan. Dana kredit dalam akaun margin (untuk akaun individu) akan mendapat kadar keuntungan indikatif berdasarkan kadar Akaun Premier Mudharabah-i.

\* Produk ini adalah terbuka kepada warganegara Malaysia, Singapura dan Brunei.

### 2. APAKAH KONSEP SHARIAH YANG DIGUNAKAN?

Kontrak Syariah yang digunakan ialah Murabahah (kos berserta keuntungan) melalui aturan Tawarruq. Ia adalah kaedah jualan di mana kos dengan harga penambahan adalah diketahui oleh Pelanggan di mana Pelanggan membayar harga dalam tempoh masa yang dipersetujui. Aset yang mendasari urusniaga jualan antara Pelanggan dan Bank merupakan komoditi khusus patuh Syariah yang boleh diniagakan.


- Mengikut pembiayaan secara Komoditi Murabahah, pihak Bank memperoleh/membeli komoditi patuh Syariah daripada pihak ketiga (Peniaga Komoditi 1) atas permintaan Pelanggan.
- Pihak Bank kemudian menjual komoditi kepada Pelanggan dengan Harga Jual Bank yang terdiri daripada harga komoditi campur margin/keuntungan bank. Pelanggan membayar secara bertahap dalam tempoh masa yang dipersetujui.
- Pelanggan kemudian melantik pihak Bank sebagai wakil untuk menjual komoditi kepada pihak ketiga (Peniaga Komoditi 2) demi meraih wang.
- Pihak Bank, sebagai wakil Pelanggan kemudian menjual komoditi kepada pihak ketiga (Peniaga Komoditi 2) pada harga jual mengikut aman pembiayaan.
- Hasil penjualan komoditi akan diremit kepada Pelanggan, penjual atau pihak berkepentingan mengikut terma dan syarat pembiayaan.

Untuk transaksi Komoditi Murabahah di bawah kemudahan pembiayaan ini, pada setiap masa Bank menjadi ejen tidak eksklusif bagi pihak Pelanggan, dalam melaksanakan transaksi Komoditi Murabahah yang berkaitan dengan kemudahan ini.

### 3. APAKAH KADAR ASAS ISLAMIK (KAI)?

Kadar Asas Islamik (KAI) adalah kadar harga pembiayaan runcit yang berkuatkuasa 2 Januari 2015 menggantikan Kadar Pembiayaan Asas (KPA) selaras dengan Rangka Kerja Kadar Rujukan baru yang diperkenalkan oleh Bank Negara Malaysia. Di bawah rangka kerja baru ini, bank-bank akan hanya menggunakan kos pembiayaan sebagai penanda aras untuk menentukan kadar asas mereka. KAI Maybank Islamic dikira berdasarkan kos purata dana Maybank Islamic. KAI akan diselaraskan apabila terdapat perubahan pada dasar monetari contohnya perubahan Kadar Dasar Semalaman (KDS) serta sebarang perubahan dalam keadaan pendanaan contohnya perubahan pada Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur (KLIBOR).

### 4. SEJARAH PENANDA ARAS KOS DANA (COF) UNTUK 3 TAHUN YANG LALU



**5. APAKAH YANG DAPAT SAYA PEROLEHI DARI PRODUK INI?**

Ciri-ciri	Penerangan	
Had Pembiayaan	Minimum: RM50,000 Maksimum: RM 30,000,000	
Tempoh Pembiayaan	Maksimum 5 tahun	
Kadar Harga Jualan	<b>Jenis Pelanggan</b>	<b>Kadar</b>
	Individu	Kadar Asas Islamik (KAI) + 7.65% setahun atau 10% setahun, mengikut yang mana lebih tinggi. * Kadar Asas Islamik (KAI) ialah pada 3.00% bermula dari 17/05/2019
	Korporat	Kadar Pembiayaan Asas (KPA) + 4% setahun atau 10% setahun, mengikut yang mana lebih tinggi. * Kadar Pembiayaan Asas (KPA) ialah pada 6.65% bermula dari 17/05/2019
Kadar Keuntungan Efektif	<b>Jenis Pelanggan</b>	<b>Kadar</b>
	Individu	Kadar adalah di antara KAI + 1.65% kepada KAI + 3.65%. Dikira setiap hari berdasarkan jumlah tertunggak sehingga pembiayaan selesai.
	Korporat	Kadar adalah di antara *KPA+0% kepada KPA -2.0% setahun. Dikira setiap hari berdasarkan jumlah tertunggak sehingga pembiayaan selesai.

Jumlah Had Dagangan (dengan menggandakan nilai cagaran):

Jenis Cagaran *	Kemudahan Margin***	Kemudahan Jual Beli Saham	Jumlah Tersedia
Saham Patuh Syariah / Tunai	1.5x	1.0x	2.5x
Simpanan Tetap Konvensional** / Akaun Pelaburan Am	2.5x	1.0x	3.5x

\* Tertakluk kepada had Bank dan apa-apa cagaran / sekuriti lain yang boleh diterima dari semasa ke semasa

\*\* Nilai cagaran adalah terhadap kepada jumlah prinsipal Deposit Tetap Konvensional instrument.

\*\*\* Tertakluk kepada Terma dan Syarat Bank

**6. APAKAH TANGGUNGJAWAB SAYA?**

Bayaran keuntungan bulanan berdasarkan pada jumlah pembiayaan yang digunakan.

Bayaran Keuntungan bulanan \* akan dikira secara harian berdasarkan Kadar Keuntungan Efektif Semasa, Baki Pembiayaan Pokok dan bilangan hari penggunaan dalam sebulan.

Terdapat dua jenis bayaran.

▪ Bayaran Keuntungan Bulanan*	RM _____ (Keuntungan Bank)
▪ Bayaran Prinsipal**	Dengan pengurangan had secara bulanan / suku tahunan / setengah tahun / pengurangan baki tahunan atau melalui bayaran penuh sehingga keseluruhan jumlah pembiayaan diselesaikan dalam tempoh kemudahan.

**Nota:**

\*Jumlah bayaran keuntungan bulanan mungkin berbeza tertakluk kepada perubahan KAI dan Baki Pembiayaan Pokok yang terdahulu. Jika KAI berubah, Kadar Keuntungan Efektif akan berubah tetapi tidak melebihi Kadar Keuntungan Siling.

\*\* Seperti yang diluluskan oleh Bank.

**7. APAKAH YURAN DAN CAJ YANG PERLU SAYA BAYAR?**

Deposit Awal untuk Pembukaan Akaun	Tiada
Bayaran Perdagangan	Individu: Dikecualikan Korporat: RM 15 setiap RM 1.0 juta komoditi yang dibeli

	* Seperti yang ditetapkan oleh Bursa Malaysia untuk caj pembrokeran dan caj-caj berkaitan
Lebih dari Kemudahan Tunai-i	Lebih berliku jika amaun yang Pelanggan gunakan melebihi Had Penggunaan maksimum Kemudahan Tunai-i yang dibenarkan. Semua jumlah lebihan mesti dibayar dalam masa dua puluh empat (24) jam. Sekiranya Pelanggan gagal menyelesaikan jumlah lebihan dalam masa dua puluh empat (24) jam, Caj Bayaran Lewat (LPC) akan dikenakan ke atas jumlah lebihan dari hari akaun anda berlaku lebihan.
Bayaran Central Depository System (CDS) (Penama)	RM 10
Duti Setem	Seperti tertera di dalam Akta Duti Setem 1949 (Pindaan 1989)
Bayaran Pengeluaran Saham	RM 20 per kaunter

**Nota:**

- Bagi Akaun Korporat, Yuran Guaman akan dibayar terus kepada Peguamcara.
- Semua yuran diatas adalah tertakluk kepada mana-mana cukai dikenakan pada kadar semasa yang ditetapkan (jika berkenaan)

## 8. BAGAIMANA SEKIRANYA SAYA GAGAL MEMENUHI TANGGUNGJAWAB SAYA?

<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ <b>Caj Bayaran Lewat</b></li> </ul>	<p>Pihak Bank mempunyai hak untuk pampasan atas bayaran tertunggak, berlandaskan mekanisma seperti di bawah:</p> <p>I. <u>Bayaran Tertunggak</u></p> <p>Sekiranya anda gagal membayar sebarang amaun tertunggak dari tarikh bermulanya kemudahan di keluarkan sehingga tarikh matang, Caj Bayaran Lewat akan dikenakan sebanyak 1% setahun akan dikenakan ke atas amaun yang tertunggak.</p> <p>II. <u>Apabila Matang</u></p> <p>Kadar Pasaran Kewangan Interbank Islam (IIMM) akan dikenakan di atas kegagalan membayar jumlah baki pembiayaan selepas tempoh matang atau sehingga penghakiman, yang mana terdahulu.</p> <p>Walaupun bagaimanapun, Caj Bayaran Lewat yang dikenakan tidak akan dikompaun kepada baki Jumlah Kemudahan.</p>
<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ <b>Tindakan undang-undang</b></li> </ul>	<p>Tindakan undang-undang akan diambil sekiranya anda:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Kekurangan amaun (shortfall) bulanan terkumpul (jika ada).</li> <li>• Gagal untuk membalas notis peringatan.</li> </ul> <p>Tindakan undang-undang yang dikenakan ke atas anda akan mengakibatkan anda menghadapi kesukaran atau dikenakan caj yang mahal untuk memohon pembiayaan yang baru.</p> <p>Pemberitahuan akan diberikan kepada anda terlebih dahulu untuk sebarang tindakan undang-undang yang akan dikenakan</p>
<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ <b>Kadar Kemungkiran</b></li> </ul>	<p>Jika berlaku kemungkiran selama (3) bulan dalam sebarang pembayaran tertunggak atau akaun kemudahan tunai-i melebihi had tiga (3) bulan dibawah pembiayaan ini, pihak Bank berhak untuk menaikkan margin keuntungan bagi kadar keuntungan efektif kepada Kadar Pembiayaan Asas + 2.5% setahun atau 1.0% setahun keatas kadar keuntungan efektif (jika kadar keuntungan efektif ialah Kadar Pembiayaan Asas + 2.5% setahun atau lebih), ("kadar kemungkiran") akan dikenakan pada jumlah yang tertunggak tidak melebihi Kadar Harga Siling, atau kadar keuntungan lain dimana Bank akan menetapkan sendiri atau atas budi bicara pihak Bank dari semasa ke semasa.</p>
<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ <b>Hak Penyelesaian</b></li> </ul>	<p>Pihak Bank berhak menolak selesai mana-mana baki kredit dalam akaun anda yang dibuka dengan Bank untuk melunaskan mana-mana jumlah tertunggak yang melibatkan kemudahan ini.</p>
<ul style="list-style-type: none"> <li>▪ <b>Nisbah Margin Pembiayaan (FMR)</b></li> </ul>	<p>Cagaran yang disandarkan hendaklah mampu membiayai jumlah daripada kemudahan itu pada setiap masa. Sekiranya nilai cagaran jatuh di bawah Nisbah Margin Pembiayaan (FMR) yang diperlukan, Bank akan memaksa untuk menjual pada baki tertunggak dan jika perlu, Bank boleh membubarkan cagaran anda untuk memperbaiki cagaran margin. Bank</p>

mempunyai hak untuk menolak apa-apa baki kredit dalam mana-mana akaun yang terdaftar dengan kami terhadap apa-apa baki tertunggak/ kerugian / keuntungan asas dalam akaun kemudahan ini.

Nisbah Margin Pembiayaan (NMP)	Tindakan
Sehingga 60%	Bei
> 60% - 72%	Belian dibawah T+ 2
> 72% - 85%	Panggilan Margin
≥ 85%	Jualan Paksa

FMR dikira berasaskan nisbah jumlah tertunggak terhadap jumlah nilai cagaran.

- Tindakan undang-undang akan dikenakan jika gagal memberi respon kepada notis peringatan.
- Tindakan undang-undang yang dikenakan terhadap anda akan menjejaskan penilaian kredit yang akan menyukarkan atau membebaskan anda

#### 9. BAGAIMANA SEKIRANYA SAYA MEMBUAT PENYELESAIAN SEPENUHNYA KE ATAS PEMBIAYAAN INI SEBELUM TARIKH IA MATANG?

Pihak Bank akan memberi rebat (*Ibra'*) kepada pelanggan dalam, tetapi tidak terhad kepada, situasi-situasi berikut:

- Anda membuat penyelesaian awal atau penebusan awal, termasuk yang terbit dari bayaran awal;
- Sekiranya ansuran bulanan berlaku awal sebelum berakhirnya tempoh pembayaran keuntungan (untuk pembayaran berkala);
- Sekiranya kadar keuntungan efektif lebih rendah dari kadar keuntungan siling; dan
- Sekiranya jumlah pengeluaran sebenar adalah rendah dari harga jualan bank.

Bagi mengelak keraguan, adalah diperakui dan dipersetujui bahawa rebat-rebat berkenaan tidak boleh dianggap sebagai rebat tunai yang perlu dibayar kepada anda, tetapi didatangkan sebagai tolakan dari elemen keuntungan ansuran kemudahan pembiayaan tersebut. Rebate berkenaan hanya akan diberikan selepas penerimaan jumlah penyelesaian/penebusan sebagaimana ditentukan oleh Bank berdasarkan formula di bawah:

Baki Harga Jualan	Tolak	Baki Kemudahan	Tolak	Amaun Lain Yang Perlu Dibayar Kepada Bank
-------------------	-------	----------------	-------	---

Anda boleh merujuk laman web kami di [www.maybank2u.com.my](http://www.maybank2u.com.my) untuk contoh ilustrasi mengenai pengiraan dan penyelesaian berdasarkan formula *Ibra'*.

Pergi ke [Home](#) > Announcements > Bank Negara Malaysia's Guideline on *Ibra'* (Rebate) for Sale-Based Financing.

#### 10. ADAKAH SAYA MEMERLUKAN CAGARAN?

Anda mungkin perlu untuk menyediakan cagaran seperti berikut: -

- Tunai;
- Saham yang diluluskan Shariah;
- Akaun Pelaburan Am (GIA);
- \*Deposit Tetap Konvensional (Faedah tidak boleh dimodakan);
- Deposit Tetap Islamik.

\*Nota : Nilai cagaran adalah terhad kepada jumlah prinsipal Deposit Tetap Konvensional instrumen.

#### 11. BOLEHKAH SAYA MEMILIH UNTUK PENYERAHAN SECARA FIZIKAL KOMODITI TERSEBUT? APAKAH KOS YANG TERLIBAT?

Anda boleh memilih untuk penyerahan komoditi secara fizikal, tertakluk kepada terma dan syarat oleh pihak Bank. Semua kos berkaitan dengan arahan anda untuk penyerahan komoditi tersebut secara fizikal perlu ditanggung oleh anda.

#### 12. APAKAH YANG PERLU SAYA LAKUKAN JIKA TERDAPAT PERUBAHAN PADA MAKLUMAT UNTUK MENGHUBUNGI SAYA?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami mengenai sebarang pertukaran maklumat untuk menghubungi anda bagi memastikan anda menerima semua surat-menyurat tepat pada masanya. Untuk mengemaskini maklumat perhubungan anda, sila hubungi mana-mana cawangan Maybank atau Maybank Islamic yang berdekatan.

#### 13. DI MANA SAYA BOLEH MENDAPATKAN BANTUAN DAN MAKLUMAT LANJUT?

- Jika anda memerlukan sebarang informasi atau bantuan, sila hubungi Eksekutif Pelaburan Saham / Pengurus Maybank Equity Investment Centre (EIC) kami: -

## Sila cop nama dan Pusat EIC disini

- Sebagai pilihan, anda juga boleh mendapatkan nasihat daripada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang telah ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan kewangan, kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula pembiayaan secara percuma kepada individu. Untuk membuat pertanyaan, sila hubungi :

Tingkat 8, Maju Junction Mall  
1001, Jalan Sultan Ismail  
50250 Kuala Lumpur  
Tel: 1-800-22-2575  
E-mel : enquiry@akpk.org.my

- Jika anda ingin membuat sebarang aduan mengenai produk atau perkhidmatan kami, anda boleh menghubungi kami di:

**Maybank**  
Khidmat Pengurusan Maklumbalas Pelanggan  
Tingkat 28, Menara Maybank  
100 Jalan Tun Perak  
50050 Kuala Lumpur  
Talian Utama: 03-20748075  
Emel: cfm@maybank.com.my

- Jika pertanyaan dan aduan anda tidak dapat diselesaikan oleh pihak kami, anda juga mempunyai pilihan untuk menghubungi Bank Negara Malaysia LINK atau TELELINK di:

Block D, Bank Negara Malaysia  
Jalan Dato' Onn  
50480 Kuala Lumpur  
Tel: 1-300-88-5465  
Fax: 03-2174 1515  
Emel : bnmteleshink@bnm.gov.my

**NOTA PENTING: TINDAKAN UNDANG-UNDANG BOLEH DIKENAKAN TERHADAP ANDA JIKA ANDA TIDAK MENERUSKAN PEMBAYARAN PEMBIAYAAN MARGIN SAHAM-i MAYBANK ISLAMIC ANDA.**

Maklumat yang disediakan di dalam helaian ini sah dari Oktober 2021.